

1,109 anggota bakal ditauliah

21/11
J
Suru

Terdiri daripada Palapes IPTA, UTHM diberi penghormatan menjadi tuan rumah

PARIT RAJA - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diberi penghormatan menjadi tuan rumah Majlis Istiadat Pentaulianan Diraja Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Ke-30, Sabtu ini.

Panglima Medan Tentera Darat, Datuk Seri Ahmad Hasbullah Mohd Nawawi berkata, penyampaian watikah tauliah itu dijadualkan akan disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar.

Ahmad Hasbullah berkata, turut berkenaan berangkat ke majlis tersebut DYMM Tuanku Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah serta Tunku Mahkota Johor, Tuanku Ismail Sultan Ibrahim.

"Seramai 1,109 pegawai kadet



■ Anggota Palapes yang bakal ditauliahkan mengadakan sesi latihan sebagai persiapan acara berkenaan.

Palapes dari 14 IPTA akan ditauliahkan dalam majlis tersebut.

"Program yang diatur pada hari itu adalah Perbarisan Pentauliahan Diraja yang terdiri daripada pemeriksaan perbarisan, perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan

cepat, perbarisan mara menghadap dan pengurniaan hadiah kepada pegawai kadet terbaik dari setiap IPTA," katanya pada sidang akhbar di UTHM, kelmarin.

Hadir sama pada sidang akhbar tersebut, Panglima Latihan Tentera

Darat, Datuk Abdul Rahim Mohd Yussuf dan Timbalan Naib Canselor UTHM, Profesor Ir Dr Abdul Aziz Abdul Samad.

Ahmad Hasbullah turut memeriksa perbarisan pegawai kadet Palapes dan memantau persediaan

yang dilakukan UTHM sebagai tuan rumah.

Menurutnya, penyertaan dalam Palapes dapat membantu negara membentuk modal insan yang berdisiplin sekali gus menjadi pemimpin masa depan.

Sementara itu, Abdul Aziz berkata, seramai 25 pegawai kadet terbaik bersama ibu bapa masing-masing akan dibawa ke sesi sembah kenal kepada Sultan Johor sejurus sebelum istiadat Pengurniaan Waktih Tauliah berlangsung.

Menurutnya, semua 1,109 pegawai kadet mula berkumpul di UTHM sejak 24 Jun lalu untuk menjalani latihan akhir dan persiapan pentauliahan.

"Mereka juga melaksanakan khidmat masyarakat yang dinamakan sebagai program Jiwa Murni melibatkan 11 kampung di sekitar daerah ini," katanya.